

KEDIDI DUNLIN
Dunlin

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Calidris alpina*

CIRI-CIRI

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa sub-spesies *C.a.sakhalina* menyerupai Kedidi Pasir Kendi, *C.ferruginea*, tetapi ia mempunyai bahagian leher dan kaki yang lebih pendek manakala bahagian paruh lebih pendek dan melengkung. Jalur pada bahagian atas kening kurang jelas kelihatan manakala bahagian hadapan tengkuk dan bahagian atas dada adalah pudar dan berjalur. Semasa terbang, kelihatan warna gelap pada bahagian tengah ke bahagian atas tongkeng dan bahagian atas pangkal ekor. Individu ini juga menyamai Kedidi Paruh Lebar, *Limicola falcinellus*, tetapi bersaiz lebih besar. Bahagian kaki adalah lebih panjang dan selalunya berwarna hitam. Bahagian paruh juga biasanya lebih tirus dan melengkung ke bahagian bawah (melengkuk pada bahagian hujung). Pada bahagian atas kening, tidak kelihatan sebarang jalur-jalur yang terbahagi. Semasa musim membiak, kelihatan tompokan hitam pada bahagian perut individu dewasa bagi spesies ini. Bahagian tengkuk dan dada berwarna putih serta terdapat jalur-jalur gelap yang kurang jelas. Jalur pada bahagian atas kening berwarna putih manakala bahagian atas belakang dan bahagian atas pangkal sayap secara keseluruhannya berwarna kuning pucat kemerahan yang cerah dengan jalur-jalur berwarna hitam dan putih pada bahagian pinggir.

SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 17 hingga 21 sm.

MAKANAN

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

HABITAT

Beting lumpur, beting pasir, pantai, kolam udang, kolam air masin dan kawasan sungai yang besar.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi *treeep* atau bunyi *kreee* yang kasar. Ia juga mengeluarkan bunyi yang bergetar semasa hendak mencari pasangan.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan-hingga Julai. Sarang dibina di kawasan semak yang berbentuk seperti cawan yang besar yang diperbuat daripada rumput dan daun. Telur yang dihasilkan adalah sehingga 4 biji.

STATUS

Akta 76/72, Tidak dipelihara.